

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian, anda dikehendaki untuk membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Bahasa tidak mampu dinilai berdasarkan penetapan harga, kurang tepat untuk mengandaikan gandingan faktor bahasa dan mata wang, mahupun pemasaran komponen bahasa sebagai komoditi. Hal ini dikatakan demikian kerana, komoditi dan perkhidmatan lazimnya dinilai berdasarkan mata wang, namun kata-kata atau ayat tidak dalam apa-apa jua keadaan pun mengalami transaksi yang sedemikian rupa. Aspek-aspek lain seperti latar budaya dan adat resam masyarakat penutur mempengaruhi pemasaran komponen bahasa. Dalam konteks urusan jual beli, komunikasi dan pemahaman merupakan elemen utama bagi melancarkan proses urus niaga.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Membahasakan Nilai Ekonomi'
oleh Mohidin Haji Malek, *Dewan Bahasa*, Bil. 5, 2016

1.

ayat:

2.

ayat:

3.

ayat: